



JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN & RISIKO INSTITUT SAINS

GARIS PANDUAN PROSEDUR KERJA SELAMAT DAN LANGKAH PENCEGAHAN COVID-19 BAGI PELAJAR DI INSTITUT SAINS

Universiti Teknologi MARA melalui Pekeliling Naib Canselor bilangan 15/2020 telah mengeluarkan garis panduan Pelaksanaan Pengoperasian Universiti Teknologi MARA semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) untuk membendung penularan pandemik COVID-19. Sehubungan itu, satu garis panduan dalaman bagi langkah kawalan penularan pandemik COVID-19 dan panduan warga Institut Sains memulakan operasi disediakan untuk makluman semua warga Institut Sains seperti berikut:

TANGGUNGJAWAB PELAJAR

1. Pelajar perlu mengisi borang deklarasi harian saringan COVID-19 UiTM (<https://saringc19.uitm.edu.my>). Hanya pelajar bagi **kategori D/E** sahaja yang akan dibenarkan masuk ke kampus. Jumlah pelajar yang dibenarkan masuk ke dalam makmal tertakluk kepada kapasiti makmal yang membenarkan penjarakan pelajar yang optimum.
2. Pelajar perlu mematuhi apa-apa peraturan dan arahan yang ditetapkan oleh pihak Institut Sains berkaitan COVID-19 dan mana-mana panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), World health Organization (WHO), International labour Organization (ILO) dan agensi yang berkaitan.
3. Pelajar perlu mematuhi prosedur kerja selamat dan sentiasa memakai alat pelindung diri yang ditetapkan (sarung tangan getah, pakaian kot makmal dan pelitup muka) semasa menjalankan eksperimen di makmal Institut Sains.
4. Pelajar perlu hadir ke pejabat Pengarah Institut Sains atau Pusat Saringan Zon yang berkenaan untuk saringan suhu badan setiap hari sebelum boleh mula bekerja di dalam makmal/bilik.
5. Pelajar perlu memastikan diri adalah sihat dan tidak mempunyai gejala demam, batuk, selesema dan sesak nafas. Sekiranya tidak sihat, pelajar terbahit tidak

dibenarkan hadir ke Institut Sains dan dikehendaki menjalani pemeriksaan Kesihatan.

6. Pelajar hanya boleh berada di dalam makmal/bilik bermula daripada jam 8:00 pagi – 5:00 petang sahaja.
7. Pelajar perlu sentiasa memakai pelitup muka (*face mask*) sepanjang tempoh berada di makmal Institut Sains.
8. Pelajar perlu elakkan sebarang sentuhan secara langsung atau bersalaman.
9. Pelajar hendaklah menggunakan *hand sanitizer* apabila perlu.
10. Pelajar perlu sentiasa mematuhi penjarakan sosial (*social distancing*) dalam jarak satu (1) meter. Sebaik-baiknya dua (2) meter dalam semua keadaan.
11. Pelajar perlu sentiasa mengamalkan penjagaan kebersihan diri termasuk kerap mencuci tangan dengan cara yang betul, mengamalkan etika batuk dan bersin yang baik seperti nasihat kesihatan dari KKM.
12. Pelajar juga dinasihatkan untuk menangguhkan perjalanan ke luar negara/negeri terutama ke negara-negara yang berisiko.
13. Dilarang sama sekali berkumpul di satu-satu tempat di dalam kawasan pejabat/makmal/bilik sumber/pantry.
14. Waktu makan tengah hari hendaklah dijadualkan secara penggiliran. Tidak digalakkan bertukar-tukar / kongsi makanan dengan rakan pelajar yang lain.

1. TATACARA PENGGUNAAN RUANG

a) **Penggunaan Lif**

- Penggunaan lif hanya dihadkan kepada maksimum empat (4) orang pada satu-satu masa.
- Pengguna perlu berdiri pada lokasi yang ditanda.
- Elakkan kontak rapat dengan permukaan pada lif seperti bersandar dsb.
- Basuh tangan menggunakan sabun atau gunakan *hand sanitizer* selepas menggunakan lif.
- Pengguna perlu mematuhi penjarakan sosial semasa menunggu lif.
- Pelajar digalakkan menggunakan tangga berbanding lif.

b) **Pengurusan Kaunter**

- Pelajar perlu mengamalkan penjarakan sosial dengan beratur mengikut tanda yang disediakan.
- Menjarakkan tempat duduk di ruang menunggu.

c) **Surau/ Bilik Sembahyang**

- Tiada aktiviti keagamaan dibenarkan di surau / bilik sembahyang.
- Kegunaan surau / bilik sembahyang adalah bagi tujuan solat fardu sahaja dan perlu mengamalkan penjarakan sosial.
- Kapasiti pengguna adalah separuh daripada kapasiti surau/ bilik sembahyang.
- Menggunakan barangan solat sendiri seperti telekung dan sejadah.

d) **Penggunaan Tandas**

- Memastikan tandas dipam selepas menggunakannya.
- Membasuh tangan menggunakan sabun sebelum dan selepas menggunakan tandas.

2. PROSEDUR SEBELUM MASUK KE MAKMAL/BILIK

- a) **Saringan suhu badan**
Menjalani saringan suhu badan bagi pelajar di pejabat Pengarah Institut Sains atau Pusat Saringan Zon yang berkenaan setiap hari.
Pelajar dengan suhu badan 37.5°C atau lebih tidak dibenarkan masuk ke makmal dan perlu menjalani pengukuran suhu badan semula.
Laporkan kepada pihak Institut Sains sekiranya pengukuran semula suhu badan masih 37.5°C atau lebih untuk tindakan lanjut. Pelajar perlu **scan QR code lokasi** makmal yang dihadiri.
- b) **Penjarakan sosial**
Mematuhi penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter.
- c) **Memakai pelitup muka**
Setiap pelajar yang hendak memasuki makmal / bilik digalakkan memakai pelitup muka.
- d) **Tidak bersalaman atau bersentuhan**
Mempraktikkan tidak bersalaman dan mengelakkan sentuhan badan dengan rakan pelajar yang lain.
- e) **Kerap mencuci tangan atau menggunakan hand sanitizer**
Kerap mencuci tangan sama ada menggunakan air dan sabun atau menggunakan *hand sanitizer*.

3. PROSEDUR SEMASA BERADA DI MAKMAL/BILIK

- a) **Penjarakan sosial**
Mematuhi penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter.
- b) **Memakai pelitup muka**
Setiap pelajar hendaklah memakai pelitup muka sepanjang berada di makmal/bilik.
- c) **Tidak bersalaman atau bersentuhan**
Mempraktikkan tidak bersalaman dan mengelakkan sentuhan badan dengan rakan pelajar yang lain.
- d) **Kerap mencuci tangan atau menggunakan hand sanitizer**
Kerap mencuci tangan sama ada menggunakan air dan sabun atau menggunakan *hand sanitizer*.
- e) **Menggunakan tong sampah bertutup**
Menggunakan tong sampah bertutup bagi tujuan pembuangan pelitup muka, sarung tangan dan tisu pakai buang.
- f) **Mematuhi waktu rehat atau penggiliran**
Mematuhi waktu makan atau rehat berperingkat mengikut sistem penggiliran.
- g) **Tidak berkongsi barangan peribadi**
Tidak berkongsi barangan peribadi (sejadah, kain, telekung, gelas dan sebagainya).
- h) **Sanitasi ruang kerja**
Pastikan meja, kerusi dan peralatan yang digunakan sentiasa disanitasi sebelum meninggalkan makmal/bilik.

Disediakan oleh:

Tarikh: 08 Jun 2020



.....
Prof. Madya Dr Mohd Fazli Mohammat

Pengerusi


Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan & Risiko

Institut Sains

UiTM Shah Alam

Disemak oleh:

Tarikh: 08 Jun 2020



.....
Dr. Ahmad Zafr b Romli

Timb. Pengarah

Institut Sains

UiTM Shah Alam

Diluluskan oleh:

Tarikh: 09 Jun 2020



.....
Prof. Dr. Zurina Haji Shaameri

Pengarah

Institut Sains

UiTM Shah Alam